

20 NOV 2003

Dewan-Selangor (Usul)

DEWAN SELANGOR LULUS USUL TERIMA KASIH PADA TUN DR MAHATHIR, SOKONG
ABDULLAH

SHAH ALAM, 20 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Selangor hari ini meluluskan usul terima kasih kepada bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan untuk menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo ketika membentangkan usul itu berkata dewan berterima kasih terhadap perjuangan, pengorbanan, budi, jasa dan bakti Dr Mahathir kepada negara demi perpaduan nasional serta kemakmuran dan kemajuan negara.

Dewan juga mengalu-alukan pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima dan berikrar dan bermuafakat memberikan sokongan padu kepada beliau untuk meneruskan kepimpinan negara dalam perjalanan menzahirkan wawasan kebangsaan, katanya.

Dr Mohamad Khir berkata seluruh rakyat Selangor dan kerajaan negeri terhutang budi kepada Dr Mahathir atas segala manfaat yang dinikmati hasil dasar, strategi dan program yang dilaksanakannya.

Antaranya, menjadikan Selangor sebagai pintu masuk Malaysia melalui udara (KLIA), darat (lebuhraya), laut (Pelabuhan Klang) dan memilih negeri itu sebagai lokasi medan uji inovasi bidang teknologi maklumat dan komunikasi di Koridor Raya Multimedia, Cyberjaya dan bioteknologi di Bio Valley.

"Selangor telah berjaya memacu pembangunannya dengan mencambahkan sektor pertumbuhan baru seperti ekonomi berasaskan pengetahuan serta industri kecil dan sederhana. Kesemua ini dapat dilakukan oleh sebab keadaan politik dan ekonomi yang stabil hasil dasar pragmatik Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Dr Mohamad Khir berkata kerajaan negeri akan menyokong pendekatan pentadbiran Abdullah iaitu iltizam beliau mengurangkan kerenah birokrasi, membaiki sistem penyampaian, mempertingkatkan mutu kerja dan membina perkhidmatan awam yang sifar rasuah.

"Kita di Selangor akan memberi sokongan, dokongan serta iltizam yang padu dan jitu kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi meneruskan resipi kejayaan yang telah diasaskan oleh Tun Dr Mahathir ke arah yang lebih cemerlang, lebih gemilang dan terbilang," katanya.

--BERNAMA

LES MAI